

05/11/1998

Kementerian keluar pekeliling cuti umum

KEMENTERIAN Pendidikan akan mengeluarkan pekeliling tidak lama lagi berhubung pelaksanaan satu hari Sabtu setiap bulan sebagai cuti umum bagi pejabat kerajaan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata arahan itu yang akan dibuat secara pentadbiran akan menetapkan supaya semua sekolah tidak menjalankan sebarang kegiatan kokurikulum pada hari berkenaan.

"Langkah itu bukan sahaja boleh memberi peluang kepada guru bercuti tetapi juga memberi peluang pelajar bercuti bersama ibu bapa masing-masing kerana ini juga boleh menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan domestik di negara kita," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, semalam, Najib berkata langkah itu akan dilaksanakan mulai tahun depan.

Sewaktu membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat, baru-baru ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan cadangan kerajaan supaya satu hari Sabtu setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam mulai Januari tahun depan, selaras dengan usaha membangunkan sektor pelancongan dalam negeri.

(END)